



# BERITA MUSLIMIN



**KUNJUNGAN HORMAT KMMB KEPADA PENERUSI YAYASAN AMAL ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH**



Pada 5 November 2025, jam 10.00 pagi, Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB) telah mengadakan Kunjungan Hormat kepada Pengerusi Yayasan Amal Alumni Sekolah Alam Shah (YAASAS). Sesi ini telah berlangsung di Dewan Masjid, Kolej Islam Petaling Jaya. Kunjungan ini bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan serta membincangkan potensi kerjasama strategik ke arah membangunkan ekosistem ekonomi umat Islam yang lebih mampan dan progresif.

Dalam sesi perbincangan tersebut, Setiausaha KMMB telah menerangkan secara terperinci mengenai perkembangan dan kemajuan terkini KMMB, termasuk hala tuju, peranan serta inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak koperasi dalam memperkasakan ekonomi umat. Turut hadir daripada pihak Yayasan Amal Alumni Sekolah Alam Shah (YAASAS) ialah, YBhg. Dato' Ahmad Tajuddin bin Ab Rahman, Ir. Ts. Hj. Ghazali bin Buyong, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Tn. Hj. Ridzuan Mohd Jusoh. Manakala KMMB diwakili oleh Haji Muhammadewa bin Said @ Ibrahim selaku Timbalan Pengerusi, Dato' Che Abd Rahim bin Che Daud selaku Naib Pengerusi dan Haji Mohamad Noor bin Mohamad selaku Setiausaha KMMB.

Diharapkan kunjungan ini dapat menjadi titik permulaan kepada hubungan kerjasama yang lebih erat antara KMMB dan YAASAS, khususnya dalam usaha menyokong pembangunan ekonomi dan kebajikan umat Islam secara bersama

## DAURAH TARBIAH JKPK PAHANG 2025

Program Daurah Tarbiah JKPK Pahang 2025 yang berlangsung pada 1 November 2025 di Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassanul Ibrahim Alam Shah, Temerloh telah berjaya menghimpunkan anggota dari pelbagai daerah bagi menyertai sesi pengisian ilmu, motivasi dan tarbiah muamalat.

Melalui tiga slot utama yang disampaikan oleh penceramah berpengalaman, para peserta didedahkan kepada kepentingan muafakat dalam membangunkan organisasi, peranan strategik anggota muda dan muslimat dalam ekosistem koperasi, serta usaha meremajakan kepimpinan melalui latihan, kolaborasi dan program pembangunan anggota. Program ini turut menekankan kepentingan ilmu dalam memacu kejayaan koperasi serta mengukuhkan hubungan antara JKPK dengan anggota.

Dari sudut pengurusan, program berjalan lancar dengan penyertaan 34 orang peserta dan menerima maklum balas positif khususnya berkaitan keselesaan tempat, pengisian bermakna serta kerjasama baik pihak Masjid. Selain pendaftaran tujuh anggota baharu, beberapa cadangan penambahbaikan turut dikemukakan seperti penyebaran hebahan lebih awal, pemantapan tugas AJK Pelaksana dan penyediaan booth khusus koperasi. Secara keseluruhan, Daurah Tarbiah ini berjaya mencapai objektif untuk meningkatkan kefahaman muamalat, memantapkan motivasi anggota serta menggerakkan agenda pengukuhan koperasi di peringkat negeri.



## 4 IN 1 HOMESTAY UNTUK DIJUAL



HARGA

**RM690,000**



**HOMESTAY LOT 32954 JALAN  
MENGABANG TELIPOT,  
KAMPUNG GONG DATOK,  
21030 KUALA TERENGGANU,  
TERENGGANU**

### KELENGKAPAN

- ✓ 4 unit dalam 1 bangunan
- ✓ Keperluan masak tersedia
- ✓ Kolam renang
- ✓ 4-6 ruang parking kereta
- ✓ 900M ke pantai



### MAKLUMAT LANJUT

SILA HUBUNGI

EN. ABD LATIF 012-6588762

( PEGAWAI HARTANAH )

EN. MUNIR 017-9713798

( PEGAWAI PROJEK )

## DAURAH TARBİYAH JKPK PUTRAJAYA 2025

Program Daurah Tarbiyah JKPK Putrajaya 2025 telah berjaya dilaksanakan pada 8–9 November 2025 di Institut Latihan Memperkasa Ummah (ILMU), Janda Baik. Seramai 30 orang peserta menghadiri program selama dua hari satu malam yang merangkumi kertas kerja, tazkirah, kuliah subuh serta sesi pembangunan potensi diri. Penceramah yang dijemput membentangkan topik berkaitan ihsan dan itqan, ekonomi Islam, serta peranan ahli muda dalam tarbiyah muamalat koperasi. Keseluruhan program berjalan lancar dan mencapai objektif dalam meningkatkan kefahaman agama, memperkukuh syakhsiyah anggota serta memantapkan komitmen mereka terhadap tugas dakwah dan koperasi.

Dari sudut pelaksanaan, semua aktiviti telah dijalankan mengikut jadual yang dirancang dengan baik, manakala kemudahan penginapan, makanan serta fasiliti latihan di ILMU memberikan keselesaan kepada para peserta. Komitmen Jawatankuasa Induk yang dipimpin oleh Haji Salleh Saad memastikan kelancaran urusan logistik dan penyelarasan sepanjang program. Secara keseluruhan, daurah ini berjaya memberi kesan positif dalam membina kefahaman syara', meningkatkan kualiti amalan serta melahirkan anggota yang lebih bersedia memikul peranan dalam menggerakkan KMMB Kawasan Putrajaya ke arah kecemerlangan.



## BENKEL RANCANGAN PERNIAGAAN JKPK SELANGOR

Alhamdulillah, Bengkel Rancangan Perniagaan (BRP) anjuran JKPK Selangor telah berjaya dilaksanakan pada 15 & 16 November 2025 bertempat di Anjung Rahmat, Sungai Merab. Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan serta kemahiran praktikal kepada para peserta dalam menyediakan rancangan perniagaan yang berkesan dan boleh dilaksanakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Tn. Hj. Fatkhrazi bin Jamil atas perkongsian ilmu yang sangat bermanfaat sepanjang sesi bengkel.

Tahniah diucapkan kepada seluruh AJK JKPK Selangor atas kejayaan menganjurkan program ini serta kepada semua peserta yang hadir dan memberikan komitmen yang amat baik. JKPK Selangor juga amat berbesar hati atas sokongan dan kehadiran para tetamu kehormat, antaranya ialah wakil ALS KMMB, Datuk Aziz dan Datuk Mohamad, wakil ALK, Tn. Hj. Nik Fauzi dan Pengerusi JKPK Melaka, Tn. Sofidaliny. Majlis turut diserikan dengan Ucapan Aluan dan Perasmian oleh YBhg. Datuk Abd Aziz, Timbalan Pengerusi ALS KMMB. Semoga bengkel ini menjadi permulaan yang baik dalam membantu anggota KMMB menceburi dan memperkukuh bidang perniagaan masing-masing.



# LOT TANAH

UNTUK DIJUAL

## KUANTAN PAHANG



# RM300,000

KATEGORI : PERTANIAN  
KELUASAN : 61085.13 KPS  
LOKASI : -LOT 32028,KG.  
GUDANG RASAU,  
KUANTAN PAHANG

 **SILA HUBUNGI:** EN. ABD LATIF 012-6588762 ( PEGAWAI HARTANAH )  
EN. MUNIR 017-9713798 ( PEGAWAI PROJEK )

### PERUTUSAN PENOLONG SETIAUSAHA



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

Salam sejahtera kepada seluruh anggota Koperasi Muslimin yang saya hormati.

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, Koperasi Muslimin terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah koperasi yang mengangkat branding Syariah terbaik sebagai teras perjalanan perniagaan kita. Hasrat dan hala tuju kita jelas, kita bergerak ke arah menjadi sebuah koperasi yang benar-benar patuh Syariah, mampan, progresif dan memberi manfaat yang berterusan kepada seluruh anggota.

Namun, kejayaan sesebuah koperasi tidak pernah lahir daripada usaha segelintir individu sahaja. Ia berdiri megah kerana dokongan, keyakinan dan penglibatan aktif semua anggota. Sejarah kejayaan koperasi-koperasi hebat di luar negara menunjukkan bahawa anggota mereka bukan sekadar penonton, tetapi pemain utama yang sentiasa memastikan koperasi terus berdaya saing, kukuh dan berupaya menjana keuntungan untuk semua.

Sebagaimana koperasi lain yang berjaya, setiap bentuk perniagaan yang dijalankan oleh Ahli Lembaga Koperasi (ALK) akan sentiasa disokong oleh pegawai, staf dan anggota yang bertindak sebagai pemegang saham. Setiap produk dan perkhidmatan yang dirancang hanya akan dapat beroperasi sepenuhnya apabila anggota bersama-sama memainkan peranan dan memberi komitmen bagi menjayakannya.

Koperasi tidak boleh dibiarkan berjalan sendirian. Jika terdapat kelemahan atau kekurangan, tegurlah dengan hikmah. Berilah cadangan dan pandangan untuk penambahbaikan dalam aspek perniagaan, pelaburan atau apa sahaja ruang yang difikirkan sesuai demi kebaikan bersama. Peranan anggota amat besar nilainya.

Di pihak ALK pula, kami sentiasa berusaha menjadi lebih terbuka, berjiwa besar dan bersedia menerima cadangan atau teguran secara positif. Hanya dengan sifat saling melengkapi dan budaya muhasabah inilah kita mampu mencapai kejayaan yang berkekalan.

Marilah kita terus menggerakkan Koperasi Muslimin sebagai model koperasi Syariah yang progresif, diyakini dan memberi manfaat bukan sahaja kepada anggota, tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Semoga Allah memberkati setiap langkah yang kita ambil. Terima kasih atas sokongan yang tidak pernah putus. Bersama kita membina kejayaan.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

MEJ HJ AZMAN BIN AB KARIM (B)